

dermalah organ demi sebuah kehidupan

Adakah proses pendermaan organ akan melambatkan urusan pengkebumian?

Tidak! Urusan pengkebumian boleh dijalankan seperti biasa. Selepas organ dan tisu diperolehi dari tubuh penderma, jenazah akan dibersihkan, dikhafan dan diserahkan kepada waris penderma secepat mungkin.

Bagaimana untuk menjadi seorang penderma organ?

Anda perlu mengisi Borang Pendaftaran Pengikrar Penderma Organ dan Kad Pengikrar Penderma Organ. Borang yang telah dilengkapkan perlu dihantar kepada Pusat Sumber Transplan Nasional sementara Kad Pengikrar hendaklah disimpan dan dibawa bersama anda pada setiap masa.



ANDA dinasihatkan supaya memaklumkan keluarga anda mengenai hasrat anda untuk menjadi seorang penderma organ dan tisu

Terima Kasih

Kepada semua penderma organ kerana mengembalikan senyuman kepada kami

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Pusat Sumber Transplan Nasional, Hospital Kuala Lumpur
Tel : 03-2615 6576/2694 2704/
03-2694 2705

Faks : 03 - 2615 6269

Tollfree: 1- 800 - 88 - 9080

Pusat Sumber Pendermaan Organ, Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh, Perak
Tel : 05 - 5222 324
Faks : 05 - 2531 541

Pusat Sumber Transplan, Hospital Pulau Pinang
Tel : 04 - 2225 780
Faks : 04 - 2292 433

Pusat Sumber Transplan Negeri Johor, Hospital Sultanah Aminah
Tel : 07-2231 666 Samb: 2751
Faks : 07 - 2242 694



Diterbitkan oleh:
Bahagian Pendidikan Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Laman web: www.myhealth.gov.my • www.infosihat.gov.my
BUT. 11, KKM (CETAK/CHS) 235/2008 BM 350,000



Jadilah seorang penderma organ



Dermalah organ demi sebuah kehidupan



Dermalah organ
demi sebuah
KEHIDUPAN

ANUGERAH KEHIDUPAN

dermalah organ demi sebuah kehidupan



Apakah itu pendermaan organ?

Merupakan proses mendermakan bahagian tubuh badan seseorang untuk tujuan pemindahan organ (transplantasi) selepas meninggal dunia.

Apakah itu Pendermaan Organ (Transplantasi)?

Merupakan suatu pembedahan yang melibatkan pertukaran organ atau tisu daripada penderma yang telah meninggal dunia kepada penerima yang memerlukan.

Pemindahan organ ini boleh menyelamatkan nyawa penerima organ atau tisu dan mereka akan dapat menjalani kehidupan yang lebih sihat.

Bilakah organ dan tisu si penderma diperolehi?

Proses perolehan organ dan tisu daripada tubuh seseorang penderma hanya akan dilakukan apabila kematiannya telah disahkan oleh dua orang doktor yang bertauliah. Doktor-doktor yang terlibat dengan pengesahan kematian seseorang penderma itu adalah bebas dan tiada kaitan dengan pemindahan organ dan tisu.

Adakah rawatan akan diabaikan jika diketahui anda adalah seorang pengikrar penderma organ?

Tidak! Pengikrar penderma organ akan dirawat sebaik mungkin sebagaimana pesakit-pesakit lain.

Apakah organ dan tisu yang boleh didermakan di Malaysia?

Organ

- Jantung
- Paru-paru
- Hati
- Buah Pinggang
- Pankreas

Tisu

- Injap Jantung
- Tulang
- Kulit
- Kornea

Adakah terdapat bantahan dari sudut agama?

Agam Islam mengharuskan pendermaan organ selepas meninggal dunia.

Agama-agama lain di dunia (*Buddha, Kristian, Hindu dan sikh*) menyokong pendermaan organ selepas meninggal dunia.

Bagaimana proses pemindahan organ dilakukan?

Proses pemindahan organ dan tisu melibatkan pembedahan yang bersih dan dijalankan di dewan bedah hospital oleh pakar bedah yang berpengalaman. Perolehan organ dan tisu ini tidak akan menjejaskan rupa dan bentuk tubuh badan penderma. Selepas organ dan tisu diperolehi, luka pembedahan akan dijahit dengan sempurna dan jenazah penderma tidak mengalami apa - apa kecacatan fizikal. Proses pembedahan ini dijalankan dengan penuh hormat dan tertib sebagaimana pembedahan biasa.

